



Aku & Buku

Editors:
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai

2025



Aku & Buku



Editor:

*Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai*

Penerbit:

UiTM Cawangan Kedah

e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

Hak Cipta

Hak cipta@ adalah milik penulis/pemilik asal. Penyuntingan bahasa dan pembacaan pruf telah dijalankan oleh pasukan editorial dengan kebenaran penulis.

Segala pandangan, pendapat dan syor teknikal yang dikemukakan oleh penyumbang adalah tanggungjawab mereka sepenuhnya dan tidak semestinya mencerminkan pendirian editor, fakulti atau universiti.

Tiada bahagian dalam penerbitan ini yang boleh diterbitkan atau dipindahkan dalam apa jua bentuk atau cara, sama ada secara elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, salinan semula atau sebarang sistem simpanan dan capaian, tanpa kebenaran bertulis daripada Rektor, UiTM Cawangan Kedah, 08400 Kedah.

eISBN: 978-967-2948-81-0

Diterbitkan oleh:

Universiti Teknologi MARA
08400 Merbok, Kedah, Malaysia

Editor:

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai



Kandungan

Tajuk

Muka Surat

Kata Pengantar

Kata Aluan

Pendahuluan

1. Peneman Setia	1
2. Cinta Ekonometrik dan Cinta Residual	5
3. Inspirasi Dale Carnegie	8
4. Aku, Buah dan Buku	15
5. Dari Cerita Dongeng, Akhirnya Menggapai Impian	20
6. Aku di Alam Buku	24
7. Kisah Imam Syafie	27
8. Menyingkap Kegemilangan Umat Islam di Andalusia	33
9. Kisah Penaklukan Kota Konstantinople oleh Sultan Muhammad Al-Fateh	39
10. Bukuku adalah Teman Karibku	45
11. Korban Kasih	51
12. Buku, Penyelamatku	54
13. Aku, Abah dan Buku	58
14. Sebuah Buku Berwarna Coklat	62
15. TAMAR JALIS: Stephen King Malaya	65
16. Jasa Terindah	68
17. Ditandang Lagi	71
18. Anak Sulung	76
19. Inspirasi Membentuk Jatidiri	79
20. Dari Lemari Antik Moyang ke Troli e-Dagang	82
21. Menara Alam dan Kimia Manusia	86
22. Minat Membaca yang Hilang	91
23. Satu Jam Boleh Merubah Hidup	93
24. Pengembaraan Melalui Kuasa Petikan	96
25. Kāna yāmā kān	99
26. Aku, Buku dan Secangkir Kopi	102
27. Manisnya Senyumanmu	105
28. Anak-anakku & Buku	110
29. Buku Mendidik Aku	114
30. Sebuah Perjalanan Menemukan Diri	118
31. Menggenggam Bara	122
32. Diari Perjalanan Aku dan Buku	126
33. Kertas-kertas yang Harum	129
34. Pasti Ada Minatku	132
35. Aku, 'Buku Pink' dan Tesis: Kisah Kerinduan, Penantian dan Harapan	135
36. Kehidupan dalam Kata: Buku Guru Sebuah Kehidupan	140
37. Manga dan Aku	144
38. Dirimu Sentiasa Ada!	148
39. Sihat with Me	152
40. Aksaramu Inspirasiku	155
41. Kerana Sebuah Buku	159
42. Pahit Manis Pengalaman Bersama Buku	161
43. Ibrah Melalui Syukur	165
44. Kenangan Itu	168
45. Perjalanan Literasi: Dari Perpustakaan Sekolah Hingga ke Universiti	172
46. Buku "Tangan Kedua"	176
47. "달콤한 추억" di Bumi Korea	180
48. Pi Mai Pi Mai Bersua di PBAKL 2024	183
49. Baca Buku? Nerdlah Pulak!	186
50. Kekuatan di Sebalik Buku Pemberian Sahabat	190



Kata Pengantar

Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah inisiatif murni oleh Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah yang menghimpunkan karya penulisan kreatif oleh seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) dari pelbagai fakulti dan jabatan. Kompilasi ini adalah manifestasi semangat cinta terhadap ilmu, bahasa, dan budaya, serta usaha berterusan untuk memupuk pemikiran kritis dan ungkapan kreatif di kalangan warga universiti.


Penulisan dan penerbitan merupakan antara medium utama dalam penyebaran ilmu, dan ia memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat berilmu dan berbudaya. Namun di samping kesibukan menulis artikel ilmiah berimpak tinggi, projek Aku & Buku muncul bagi menawarkan peluang warga universiti untuk menulis buah fikiran dan pengalaman peribadi dalam bentuk santai namun sampai ke hati pembaca. Himpunan karya-karya kreatif ini bukan sahaja menyemarakkan lagi arena kesusasteraan tanah air, tetapi turut memberi peluang kepada para akademik untuk menyuarakan idea, pandangan, dan imaginasi mereka dalam bentuk yang segar dan bermakna.

Sebagai institusi pengajian tinggi yang sentiasa mendokong nilai keilmuan dan pengembangan minat dalam apa jua bentuk penulisan, UiTM berbangga dapat menyokong dan merealisasikan penerbitan buku ini. Semoga karya-karya yang terkandung dalam kompilasi ini menjadi sumber inspirasi dan rujukan berharga kepada pembaca dari pelbagai lapisan masyarakat.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya serta pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan ini.

Selamat membaca.

Ketua Editor,
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai





Kata Aluan



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, Projek Aku & Buku berjaya diterbitkan. Kompilasi ini merupakan manifestasi minat yang tinggi terhadap bahasa dan penulisan kreatif, yang lahir daripada ilham serta komitmen seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya, serta warga kerja yang terlibat dalam menjayakan projek ini. Usaha ini membuktikan bahawa institusi pengajian tinggi bukan sahaja menjadi medan penyebaran ilmu, malah turut menyemarakkan elemen budaya dan kreativiti dalam penulisan.

Unit Penerbitan

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai
Siti Mukhlisa Mohamad Khairul Adilah
Nurfarisya Hafiz
Berlian Nur Morat
Nor Asni Syahriza Abu Hassan
Syakirah Mohammed
Hajjah Sharina Saad
Mas Aida Abd Rahim
Syazliyati Ibrahim
Abdul Majeed Ahmad

Penyunting

Berlian Nur Morat

Pereka Layout & Grafik

Asrol Hasan

Semoga buku ini menjadi inspirasi kepada para pembaca dan terus menggalakkan penghasilan karya kreatif yang berkualiti pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



Pendahuluan

Penulisan kreatif merupakan medium penting dalam menyampaikan nilai, emosi dan pemikiran masyarakat. Ia bukan sekadar hiburan, malah berperanan dalam mencorak budaya intelektual dan memperkaya khazanah ilmu. Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah himpunan karya penulisan kreatif yang lahir daripada ilham dan bakat warga akademik, khususnya dari Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, serta sumbangan penulis dari fakulti dan institusi lain.

Kompilasi ini menampilkan pelbagai genre dan gaya penulisan yang mencerminkan kepelbagaian latar belakang dan pengalaman para penulisnya. Usaha ini sejajar dengan aspirasi UiTM dalam menggalakkan budaya penulisan, penyelidikan, dan penerbitan sebagai tunjang penyebaran ilmu yang berterusan kepada masyarakat.

Menerbitkan karya kreatif dalam bentuk buku bukan sahaja membuka ruang kepada ekspresi diri, tetapi juga memperkukuh peranan institusi pengajian tinggi dalam memperkaya wacana sastera tempatan. Semoga buku ini dapat menjadi pencetus inspirasi, pemangkin idea, serta wadah untuk menyemai minat terhadap dunia penulisan dan pembacaan.



Dari Lemari Antik Moyang ke Troli e-Dagang

Nazima Versay Kudus

Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang

Hubungan awal saya dengan buku bermula bukan kerana minat membaca tetapi atas dasar kemudahan. Arwah bapa melarang daripada menyertai sebarang aktiviti di luar rumah selepas waktu persekolahan yang pada pemikirannya berbahaya, menyebabkan membaca menjadi satu-satunya aktiviti yang sesuai dan selamat. Saya diarahkan untuk memanfaatkan buku dan majalah yang dimiliki oleh ibu saudara dan bapa saudara yang disusun dalam lemari antik milik moyang. Antara buku-buku ini, saya cenderung kepada novel, buku latihan Bahasa Inggeris, beberapa buku sejarah dan geografi, serta buku tahunan sekolah. Buku-buku lain seperti sains fizik langsung diketepikan.

Salah satu buku yang saya gemari dan sering dibaca berulang kali semasa kecil ialah buku teks sastera milik pakcik Abdullah, sebuah novel Indonesia bertajuk "Layar Berkembang" karya Sutan Takdir Alisjahbana. Ketika itu, saya membacanya secara literal, melihatnya hanya sebagai sebuah kisah cinta. Namun, apabila dewasa, saya menyedari bahawa buku itu mengupas isu-isu seperti hak wanita dan perubahan sosial. Majalah URTV langganan ibu saudara Wahinah, menyajikan cerita tentang artis-artis Malaysia seperti Sharifah Aini, Hail Amir dan Noor Kumalasari. Paling menarik, terdapat cerita bersiri yang mendorong pembaca untuk tidak terlepas mendapatkan keluaran seterusnya. Apabila saya berkunjung ke rumah pakcik Abdullah, Encyclopedia Britannica menjadi pusat perhatian di ruang tamu. Pada masa dahulu, ensiklopedia ini berfungsi seperti 'internet' dalam bentuk fizikal, menawarkan pelbagai entri dari A hingga Z. Setiap jilid mengandungi maklumat yang luas tentang sejarah, inovasi, sains, seni dan pelbagai topik lain. Kini, walaupun teknologi telah mengubah cara kita mengakses maklumat, kenangan membaca ensiklopedia di ruang tamu rumah pakcik tetap segar dalam ingatan.

Pengalamanku dengan buku-buku fiksi Inggeris bermula semasa sekolah rendah. Ketika berusia lapan tahun, Puan Goon guru di Sekolah Rendah Convent Green Lane 1, sering menggunakan masa terluang untuk sesi beliau bercerita kepada kami. Beliau akan duduk di bangku panjang di hadapan papan hitam, sementara kami duduk bersila di atas lantai mendengarnya bercerita dalam Bahasa Inggeris. Dari situ, timbul minat untuk mengetahui cerita-cerita lain melalui pembacaan sendiri. Habis semua buku Enid Blyton, siri detektif cilik seperti Famous Five dan Secret Seven dipinjam dan dibaca di perpustakaan kampung saya di Jalan Maqbul. Usai satu buku, dipinjam buku seterusnya sehingga hampir habis buku di perpustakaan dibaca. Semasa di Sekolah Menengah Convent Green Lane, saya mula membaca teks sastera Inggeris karya penulis wanita seperti adik-beradik Bronte, Jane Austen dan Heidi oleh Johanna Louise Spyri. Pada awalnya, pembacaan semata untuk mengetahui cerita watak perempuan bergaun kembang di dewan tarian ataupun watak anak kecil hidup di pegunungan bersama datuknya. Hanya apabila saya di universiti dan mula belajar tentang alat analisis untuk membaca teks, barulah disedari bahawa naratif-naratif ini mempunyai makna

yang lebih mendalam dan kompleks di sebalik penampilan permukaannya. Jika makanan sebagai sumber kepada badan, pembacaan buku pula makanan untuk minda.

Ketika di alam persekolahan, kebergantungan kepada buku-buku yang diwarisi atau yang dipinjam dari sekolah dan perpustakaan awam adalah sangat tinggi. Suatu tempat lain yang sangat mempengaruhi minat membaca saya ialah kedai-kedai buku terpakai di Jalan Macalister. Deretan gerai ini adalah syurga buku sebenar, dengan rak-rak yang penuh sesak dengan buku dari pelbagai genre. Tidak seperti kedai buku masa kini dengan penutup plastik dan mata pekerja kedai yang mengawasi, gerai-gerai ini menawarkan suasana yang lebih santai. Pembaca boleh bergerak dari satu gerai ke gerai yang lain, menelusuri dan membaca selama mana yang mahu. Kebanyakan kali, kunjungan adalah untuk membaca dan bukannya membeli, memandangkan wang saku yang sangat terhad pada masa itu. Kini, gerai-gerai yang banyak berjasa kepada pembangunan minda telah dirobuhkan demi pembangunan fizikal. Pemindahan gerai-gerai tersebut ke tingkat atas Pasar Besar Chowrasta kini diserikan dengan bau hanyir ikan dari tingkat bawah. Tiada lagi buku-buku yang menarik perhatian, hanya buku-buku teks sekolah yang dijual kepada kedai buku terpakai oleh pemiliknya setelah tamat persekolahan.

Pada lewat remaja hingga zaman di universiti, saya menghadapi masa yang sukar apabila almarhum bapa pulang ke rahmatullah, memandangkan betapa rapatnya kami. Saya beralih kepada puisi untuk mencari ketenangan melalui tindak-tanduk manusia di tengah-tengah cabaran hidup dan kesedihan kehilangan seorang figura bapa. Membaca puisi Melayu dan menghadiri majlis deklamasi puisi di UKM, khususnya, menjadi sumber keselesaan kerana ia mengajar tentang kompleksiti kehidupan. Kata-kata penyair Malaysia seperti A. Samad Said dan penyair Indonesia, Rendra, sangat berbekas di hati. Puisi mereka menjadi mekanisme daya tindak, membantu mengharungi kesedihan dan mencari makna dalam pengalaman.

Ketika mengikuti ijazah TESL, kami diperkenalkan terutamanya kepada karya-karya kanon seperti Shakespeare. Saya dapati penggunaan bahasa Inggeris moden peringkat awal Shakespeare sangat meletihkan, umpamanya di dalam ayat "But, soft! what light through yonder window breaks? It is the east, and Juliet is the sun" dalam ayat mudah dalam bahasa Inggeris moden masa kini adalah "Wait, what's that light in the window over there? It is the east, and Juliet is the sun" atau terjemahan mudah Bahasa Melayu merujuk kepada kedalaman kecintaan Romeo terhadap Juliet yang diangkat ke tahap matahari namun, anehnya, ketika mula bercinta dengan suami, salah satu topik perbincangan kami adalah karya Shakespeare.

Melalui suami, saya mula mengenali karya penulisan kolonial Malaya kerana kajian pascasiswazahnya mengenai Hugh Clifford dan Frank Swettenham. Membaca karya kolonial ini memberikan perspektif dan pengetahuan yang mendalam tentang analisis sejarah, budaya, sosiopolitik, dan kesedaran kolonialisme. Karya-karya kolonial Malaya telah menyedarkan saya tentang perspektif oposisi binari antara 'kita' dan 'mereka,' khususnya antara 'penjajah' dan 'yang dijajah.' Saya mula memahami tentang watak-watak yang hidup di pinggir - bagaimana mereka hidup, dijajah dan dilihat. Pengalaman pembacaan ini juga mencetuskan minat penulisan tesis sarjana tentang golongan marhaen. Fiksyen Dina Zaman dipilih kerana tulisannya mengangkat watak wanita yang tidak bernama, yang dikenali hanya melalui pekerjaan peringkat marhaen seperti penjual kacang putih dan pembantu rumah. Dapatan kajian saya menunjukkan bahawa walaupun watak-watak ini diberi proses verbalisasi yang terhad oleh penulis, mereka sangat kaya dengan proses pemikiran yang mendalam.

Sehingga kini, buku tidak dapat dipisahkan dari kehidupan, sama ada apabila berkunjung di mana-mana waima ke kedai buku mahupun ke khutub khanah. Kedai-kedai papan di Pasar Buku Palasari mengingatkan saya kepada deretan kedai buku terpakai Jalan Macalister. Toko Buku Gramedia dihiasi dekorasi kontemporari dan penjualan pelbagai jenis buku, alat tulis dan bahan pendidikan mirip MPH dan Kinokuniya yang cabangnya semakin

berkurangan dari sehari ke sehari. Di British Library, koleksi bukunya amatlah luas. Tidak hairanlah, apabila penjajah menakluki sesebuah negara, banyak manuskrip asal dari negara yang dijajah turut diambil dan disimpan di sini. Sehari-hari menjalankan penyelidikan menggunakan bahan-bahan arkib tidak terasa kerana kemudahan bertaraf dunia dan bantuan pustakawan yang sangat berwibawa. Semasa berada di Liverpool, saya sempat berkunjung ke Kirby Library. Apabila saya bertanya kepada pustakawan di sana tentang Malayan Teachers' Training College yang ditubuhkan selepas Perang Dunia Kedua untuk melatih guru-guru Malaya, pegawai tersebut dengan gembira dan penuh kesungguhan menerangkan segala maklumat yang saya perlukan. Sikap pustakawan sebegini amat dikagumi; mereka bukan sahaja ramah dan sedia membantu, tetapi juga sangat berpengetahuan dan komited dalam tugas mereka. Musim panas di England pada tahun 2010 diisi dengan kunjungan ke jualan but kereta setiap hujung minggu, di mana buku-buku terpakai adalah item yang pasti dibeli.

Merenung kembali, jenis-jenis pembacaan saya yang lalu telah mempengaruhi kehidupan peribadi dan akademik saya. Buku-buku yang saya baca mengenai keadilan sosial, hak asasi manusia, dan kemiskinan telah mendorong saya untuk lebih sensitif terhadap golongan tersebut. Di samping itu, saya juga telah menulis beberapa artikel dan esei yang diterbitkan dalam jurnal dan makalah, membincangkan isu-isu yang dekat di hati saya. Pengamatan terhadap isu-isu ini menjadi bahan penulisan akademik dan juga separa akademik saya. Saya percaya bahawa dengan memahami dan menganalisis isu-isu ini, kita dapat membina masyarakat yang lebih adil.

Penulisan ini bukan sahaja menjadi medium untuk saya meluahkan pandangan dan pendapat, tetapi juga sebagai cara untuk menyebarkan kesedaran mengenai isu-isu tersebut kepada masyarakat yang lebih luas. Sebar luas dengan keupayaan kecil tentang ketaksamaan gender dan pentingnya penelitian linguistik dalam sesebuah teks yang di sebaliknya tersembunyi pelbagai makna.


Pembacaan telah membentuk kemahiran analitikal dan kritikal yang sangat berguna dalam kerjaya profesional saya. Dalam peranan saya sebagai seorang pensyarah, saya menggalakkan pelajar-pelajar untuk membaca secara kritikal dan mengkaji isu-isu dari pelbagai sudut pandangan. Saya percaya bahawa dengan cara ini, mereka akan menjadi individu yang lebih terbuka, berpengetahuan, dan mampu menyumbang kepada masyarakat secara konstruktif. Malangnya, kebanyakan pelajar kini jarang membaca secara santai, lebih cenderung kepada pos-pos pendek dalam media sosial. Sikap ini perlu diubah kerana membaca dan mentelaah kehidupan manusia, serta membuat perbandingan rasa bersyukur akan nikmat hidup kurniaan Ilahi, adalah penting untuk pembangunan diri yang holistik. Ibu bapa dan guru-guru perlu bersama-sama menggerakkan usaha untuk menggalakkan budaya membaca dalam kalangan pelajar. Membaca bukan sahaja membuka minda, tetapi juga membentuk individu yang lebih bijak, empati, dan mampu menghadapi cabaran dengan lebih baik. Ayuh, mari kita kembalikan semangat membaca dalam kehidupan seharian.

Semakin menginjak usia persaraan, pilihan buku telah perlahan-lahan berubah kepada lebih banyak teks agama Islam, terutamanya perihal tafsiran and tadabbur ayat-ayat Al-Quran dan sirah para anbiya. Pembacaan sebegini memberikan ketenangan dan penting untuk persiapan menghadapi akhirat. Walaupun dunia semakin bergerak ke arah buku elektronik, saya masih lebih suka bentuk fizikal. Buku sebegini mudah dibawa atau diselitkan ke dalam tas. Ia boleh dibaca di mana-mana sahaja - semasa berbaring di atas katil, semasa menunggu giliran di hospital, atau semasa berada di dalam pesawat.

Kedai buku maya juga semakin mendapat pilihan saya disebabkan oleh kemudahan fizikal yang ditawarkannya. Dengan hanya beberapa klik, kita boleh meneroka pelbagai judul buku tanpa perlu meninggalkan rumah. Tidak perlu lagi berdepan dengan kesesakan lalu lintas atau mencari tempat letak kereta di pusat membeli-belah. Semuanya boleh dilakukan dengan


mudah dan cepat dari penyelesaian rumah sendiri. Troli e-dagang saya kini dipenuhi dengan buku-buku yang saya harap dapat dibeli dan dibaca dalam masa terdekat. Setiap kali saya menjumpai buku yang menarik perhatian, sama ada melalui cadangan algoritma atau ulasan pengguna lain, saya tidak teragak-agak untuk menambahkannya ke dalam troli.

Kesimpulannya, pembacaan bukan sahaja memperkaya pengetahuan dan pemahaman saya, tetapi juga membentuk nilai-nilai dan prinsip yang saya pegang dalam kehidupan seharian. Bak kata pepatah Inggeris yang diubah suai sedikit, “reading maketh a full wo(man)”. Tambahan pula, membaca adalah budaya yang sangat dekat dengan Islam. Tidak hairanlah, perkataan pertama yang diturunkan adalah “Iqra” yang bermaksud “Bacalah.” Perintah ini menunjukkan betapa pentingnya membaca dan menuntut ilmu dalam agama Islam. Ayuh, ibu bapa dan guru-guru, marilah kita bersiap siaga untuk menggalakkan budaya membaca!



Aku & Buku

2025



e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

